

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

451 ditahan ingkar SOP, meningkat berbanding sebelumnya

Kuala Lumpur: Seramai 451 individu ditahan kerana ingkar prosedur operasi standard (SOP) pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di seluruh negara, kelmarin.

Jumlah itu meningkat berbanding sehari sebelumnya yang mencatatkan 269 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP.

Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata daripada jumlah itu 393 individu dikompau manakala 58 lagi direman.

Beliau berkata, kesalahan gagal menyediakan peralatan merekod butiran diri pelanggan mencatatkan 129 kesalahan, aktiviti pusat hiburan (82), tiada penjarakan fizikal (79), aktiviti pelacuran (75), rentas negeri (28), tidak memakai pelitup muka (49) dan kesalahan premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran (sembilan).

"Task Force Operasi Pematuhan diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuat 69,230 pemeriksaan semalam bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan SOP," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ismail Sabri, berkata dalam Operasi Benteng (Op Benteng) pasukan keselamatan menahan 24 orang pendatang asing tanpa izin (PATI) dan merampas empat kenderaan darat.

"Dalam operasi Op Benteng, pasukan keselamatan membatik PDRM, Angkatan Tentera Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia turut mengesan 103 kapal dan bot di perairan negara melalui tujuh aktiviti penglihatan.

"Selain itu lima orang PATI turut diusir menerusi tiga aktiviti pengusiran," katanya.

Dalam perkembangan lain kerajaan menamatkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Flat Sibujaya, Sibujaya, Sarawak, hari ini.

Sehingga kini Kementerian Kesihatan (KKM) sudah melaksanakan 6,875 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatif 390 kes dilaporkan.

KKM mengesahkan baki kes aktif di lokaltiti ini menunjukkan trend penurunan, terkawal dan tiada lagi sampel saringan yang sedang menunggu keputusan.

Penularan COVID-19

186 doktor swasta dibenarkan keluar perintah kuarantin

Pengamal perubatan boleh kendali pesakit positif di klinik, hospital swasta

Putrajaya: Seramai 186 pengamal perubatan swasta diberikan kuasa di bawah Seksyen 10 (2) Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 bagi mengendalikan kes positif COVID-19 berkuat kuasa esok.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata semua mereka berkuasa mengeluarkan perintah pengawasan dan perhatian di rumah atau Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID serta arahan pemakaian gelang kuarantin.

"Pengamal perubatan swasta ini dibenarkan mengendalikan kes positif COVID-19 di tempat mereka bekerja sama ada di klinik atau hospital swasta," katanya selepas melancarkan buku *The COVID-19 Chronicles of Malaysia-Navigating the*

Storm, semalam.

Mengenai pecahan pengamal perubatan swasta terbahagi mengikut negeri, Dr Adham berkata, Selangor mempunyai jumlah tertinggi iaitu 66, diikuti Kuala Lumpur (43), Johor (26), Pulau Pinang (16) dan Negeri Sembilan (13).

Selebihnya adalah masing-masing empat di Melaka dan Perlis, manakala masing-masing tiga di Perak dan Terengganu, masing-masing dua di Pahang, Kelantan dan Sabah, selain masing-masing satu di Kedah serta Putrajaya.

Dr Adham berkata, Pejabat Kesihatan Daerah diberi tanggungjawab menyediakan garis panduan kepada pengamal perubatan swasta terbahagi.

Mengenai proses vaksinasi bagi barisan hadapan, Dr Adham



Dr Adham melancarkan *The COVID-19 Chronicles of Malaysia-Navigating The Storm* di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

berkata, sasaran 60 peratus daripada 500,000 petugas barisan hadapan mendapat suntikan vaksin COVID-19 dijangka dicapai minggu ini dan setakat ini, 195,923 individu sudah menda-

pat suntikan.

Seramai 4.68 juta rakyat negara ini sudah mendaftar untuk menerima suntikan vaksin COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera. BERNAMA

Duta AS kagum Malaysia kekang pandemik

Serdang: Duta Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia, Brian McFeeters, kagum dengan tindak balas Malaysia mengekang penularan COVID-19 termasuk merawat pesakit dan melaksanakan program vaksinasi.

"Seluruh dunia berdepan cabaran akibat krisis ini, setiap negara lakukan yang terbaik. Saya bukan pakar, tapi daripada apa yang saya tahu, saya rasa Malaysia melakukan tugas luar biasa," katanya.

McFeeters bercakap kepada media selepas menyaksikan penyerahan sumbangan AS kepada Pusat Kuarantin dan Rawatan Bersepadu COVID-19 (PKRC) 2.0, di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), semalam.

Sumbangan alat ujian COVID-19 dan kelengkapan peralatan perlindungan diri (PPE) berjumlah AS\$75,000 (RM309,000) diberikan Jabatan Pertahanan AS, Bahagian Perintah Kemanusiaan Luar Indo-Pasifik AS (USIN-DOPACOM) serta Pejabat Bencana dan Bantuan Awam (OHDA-CA).

"Saya harap sumbangan PPE dan kit ujian pantas ini memberi manfaat kepada barisan hadapan. Saya harap sumbangan ini sebagai pengiktirafan terhadap hubungan erat yang lama terjalin dan usaha bersama kami untuk memberikan bantuan kemanu-



McFeeters (dua dari kanan) bergambar selepas menyaksikan penyerahan sumbangan AS kepada PKRC 2.0, di MAEPS Serdang, semalam. (Foto BERNAMA)

siaan ketika krisis," katanya.

Beliau berkata, syarikat AS di Malaysia juga aktif, dengan menyumbang lebih RM7 juta kepada usaha bantuan COVID-19 sejak tahun lalu.

McFeeters berkata, AS komited terhadap usaha bantuan COVID-19 global dan negara itu menjanjikan AS\$4 juta hingga 2022 dengan separuh daripadanya diberikan kepada COVAX, menajadikan ia penyumbang terbesar

dalam usaha COVAX.

Mengenai hubungan AS-Malaysia, katanya, kedutaan turut menumpukan untuk membangun hubungan lebih erat antara kedua-dua negara.

"Tiga bidang utama adalah hubungan ekonomi, hubungan keselamatan dan hubungan antara rakyat seperti program pertukaran, pendidikan dan pembelajaran mengenai sistem masing-masing yang mungkin termasuk me-

minta anggota Parlimen Malaysia mengunjungi Kongres AS," katanya.

Dalam hubungan ekonomi, McFeeters berkata, kedua-dua negara mempunyai hubungan yang kukuh dengan nilai dagangan sekitar AS\$60 bilion setiap tahun.

Katanya, AS juga melabur sekitar AS\$10 bilion di Malaysia, yang menghasilkan hampir 100,000 pekerjaan untuk rakyat negara ini. BERNAMA